



Tahap Kesedaran Guru Wanita Mengenai Tanggungjawab dan Hak dalam Institusi Kekeluargaan dan Pekerjaan

Siti Norsarifah Hanim Surati ^{1*} & Salleh Amat ²

^{1,2} Universiti Kebangsaan Malaysia

*Corresponding Author: sitinorsarifahhanim@gmail.com

Abstract

This study was conducted to examine the level of awareness of women, especially female teachers, regarding their responsibilities and rights in family and work institutions. The main objective of the study is to identify the level of awareness of female teachers regarding the concept of rights and responsibilities in Islam, rights and responsibilities in the household, as well as rights and responsibilities in their careers. Using a quantitative approach, questionnaires were distributed to 81 female teachers as respondents selected by the researcher. The findings of the study show a high level of awareness about the concept of rights and responsibilities in Islam, the household, and career, but a lack of understanding about the equality of rights and responsibilities of men and women in the concept of Islam. This high awareness is important to ensure a balance between family and professional duties, as well as to avoid the psychological stress that working women often face. This study also discusses women's empowerment efforts carried out at national and global levels, emphasizing the importance of understanding rights and responsibilities to achieve gender equality and women's well-being.

Keywords: Level of awareness, female teachers, responsibility, family institutions, work



Pengenalan

Artikel ini menumpukan kepada tahap kesedaran mengenai tanggungjawab dan hak dalam institusi kekeluargaan dan pekerjaan bagi wanita yang bekerja sebagai tenaga pengajar sama ada di sekolah rendah mahu pun sekolah menengah. Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, penglibatan pekerjaan wanita telah meningkat di Malaysia. Pada penghujung tahun 1980-an, terdapat peningkatan dalam kecenderungan tersebut. Keterlibatan wanita dalam pasaran buruh dilihat sebagai petunjuk ekonomi kerana isu ini dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan pengangguran sambil meningkatkan tahap kehidupan secara umum. Serupa dengan penyertaan wanita dalam pasaran buruh, keterlibatan wanita dalam profesion pengajaran memberi manfaat kepada negara kerana kedua-dua guru lelaki dan perempuan menyumbang secara positif kepada kepelbagaian ekonomi Negara khususnya dalam bidang pendidikan.

Di Malaysia, seperti dalam banyak negara membangun lain, isu bilangan guru perempuan semakin meningkat secara mendadak. Akibatnya, sebahagian besar wanita yang berpendidikan di Malaysia bekerja sebagai guru sekolah rendah dan menengah. Menurut statistik Malaysia pada tahun 2010, terdapat lebih ramai wanita berbanding lelaki yang bekerja sebagai guru di negara ini (Malaysia, 2010). Berdasarkan statistik tersebut, terdapat 229,921 guru sekolah rendah secara keseluruhan di negara ini, dengan 159,276 di antaranya adalah perempuan. Ini menunjukkan bahawa terdapat jumlah guru sekolah rendah lelaki yang agak rendah iaitu sebanyak 30.7% berbanding dengan guru perempuan. Data terkini 31 Julai 2020 daripada laman sesawang Kementerian Pendidikan hanya menunjukkan bilangan guru di peringkat sekolah rendah adalah 236,993 dan sekolah menengah 179,750 yang berjumlah 416,743 orang (Statistik Bilangan Sekolah, Murid & Guru). Majzub dan Rais (2010) menemui hasil yang bercanggah mengenai keutamaan guru dan perjanjian keberkesanan sekitar keperluan untuk lebih ramai guru lelaki, sokongan untuk pendidikan bersama, dan keperluan untuk mencipta program perkembangan profesional perguruan.

Wanita memainkan peranan utama sebagai ibu, isteri, atau anak dalam struktur keluarga, yang membentuk asas masyarakat. Tanpa kehadiran wanita, dunia ini akan kehilangan kehangatan dan keseimbangan, dan keturunan manusia mungkin terancam dengan pelbagai sumber tanpa sedar. Dalam arena pekerjaan, wanita tidak hanya memegang peranan keluarga tetapi juga menjadi aset penting bagi kemajuan negara dan bangsa. Namun sayangnya, persepsi umum terhadap pekerja wanita masih sering kali menekankan peranan mereka sebagai ibu, isteri, atau anak, sehingga dianggap tidak sebernilai seperti pekerja lelaki. Keadaan ini sering menyebabkan tekanan psikologi terutama ketika wanita berusaha menyeimbangkan tugas keluarga dan karier profesional mereka.

Salah faham terhadap hak wanita juga terdapat dalam komuniti Islam, di mana tradisi sering mengecilkan status wanita berbanding lelaki. Beberapa budaya turun-temurun dalam masyarakat Islam yang tidak berasaskan hukum syarak telah



menyebabkan penindasan, kezaliman, dan diskriminasi terhadap wanita. Walaupun hak, peranan, dan tanggungjawab wanita sebenarnya sama penting dengan lelaki, kurangnya kesedaran mengenai hak dan tanggungjawab mereka boleh memberikan kesan negatif kepada diri mereka sendiri, keluarga, dan masyarakat. Ketiadaan pemahaman ini boleh merosakkan emosi, kesihatan, dan kesejahteraan spiritual wanita, dan turut mempengaruhi hubungan sosial mereka, terutamanya dengan anak-anak.

Rajah 1 Kerangka Teori Kajian.



Berdasarkan Rajah 1 menunjukkan perkara utama yang perlu di fahami dalam kajian ini adalah mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam. Hal ini kerana kefahaman konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam akan membawa kepada kesedaran yang tinggi untuk hak dalam rumah tangga dan kerjaya serta mendapat keseimbangan tanggungjawab dalam kerjaya dan rumah tangga.

Sorotan Kajian Lepas

Selain menjadi satu kerjaya yang mulia, mengajar juga merupakan satu yang mencabar di mana guru perlu berprestasi pada tahap yang sangat tinggi. Mereka perlu memiliki tanggungjawab terhadap prestasi, pembangunan, dan perkembangan diri mereka sendiri (Naik, 2008).

Oleh itu, pendidik dianggap sebagai salah satu profesion yang paling mencabar di Malaysia, khususnya bagi wanita yang perlu menyeimbangkan tanggungjawab di tempat kerja dan di rumah. Disebabkan norma gender yang pada kebiasanya menempatkan wanita di dalam bidang rumahtangga sebagai penjaga, wanita lebih cenderung alami ke arah pembangunan dan penjagaan berbanding lelaki (Drudy, 2008). Mengikut pandangan ini, warga pendidik wanita yang memberi keutamaan kepada keluarga mereka berbanding kerjaya mereka, berisiko melihat matlamat profesional peribadi mereka terjejas akibat kekurangan komitmen. Sebaliknya, tekanan boleh timbul apabila pendidik wanita tidak dapat mengurangkan masa yang diberikan kepada kerja dan keluarga (Acker, 1989).

Namun demikian, guru wanita perlu mengetahui hak-hak mereka dalam rumah tangga dan kerjaya mereka agar mereka dapat seimbangkan tanggungjawab mereka dalam rumah tangga dan juga kerjaya. Hal ini disebabkan oleh, seorang wanita yang bekerja sering lupa akan hak dan tanggungjawab mereka terhadap keluarga. Sebagai contohnya, mereka lupa bahawa yang mencari nafkah untuk keluarga dan pemimpin keluarga mengikut syariat Islam adalah lelaki.



Terdapat banyak usaha yang di lakukan untuk memperkasakan hak wanita sama ada diperingkat antarabangsa dan juga negara. Hal ini dapat dilihat melalui inisiatif kerajaan mewujudkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) melalui memperkasa kumpulan sasar khusus di strategi ke-3 iaitu memperkasakan peranan wanita (Kementerian Ekonomi Malaysia, 2021).

Usaha yang di lakukan secara global pula adalah melalui Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang kelima iaitu melalui pemerksaan wanita dan kesaksamaan gender. Memetik laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) dalam kenyataan media tersebut menyatakan bahawa Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) yang merangkumi empat sub-indeks iaitu pencapaian pendidikan, Peluang dan penyertaan ekonomi, Penguasaan politik dan Kesihatan serta kehidupan adalah 100 peratus telah dicapai. Walaubagaimanapun, purata skor tersebut telah menurun sebanyak 0.7 peratus berbanding pada tahun 2021. Hal ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan komited untuk mendapatkan kesaksamaan gender serta memperjuangkan hak wanita dan kanak-kanak perempuan.

Melalui suatu kajian Awang et al. (2019) telah mendapati pekerja wanita muslim di UNITEN dan UPNM mempunyai tahap kesedaran yang tinggi mengenai hak dan tanggungjawab mereka terhadap kerjaya dan keluarga namun memerlukan beberapa pendekatan kepada mereka agar mereka lebih memahami hak dan tanggungjawab mereka untuk mencapai keseimbangan di antara keluarga dan kerjaya.

Selain itu, satu kertas kerja yang di bincangkan oleh Robiatul Adawiyah (2009) telah membincangkan hak-hak seorang isteri terhadap suaminya iaitu hak mendapat mahar, nafkah zahir dan batin, komunikasi yang baik, hak mendapatkan tunjuk ajar dan bimbingan, hak bersuara, hak harta isteri, hak bekerja dan hak harta sepencarian. Hasil perbincangan ini terhadap hak seorang isteri bekerja mendapati bahawa hukum seorang isteri keluar bekerja membantu meringankan beban suami adalah harus. Namun demikian, seorang suami telah melanggar syariat Islam sekiranya membebani isteri mereka dalam mengurus ekonomi dan hal ehwal rumah tangga serta perlu melayani suami mereka.

Kajian yang di jalankan oleh Azlizan & Adibah (2023) mengenai penglibatan golongan wanita dalam bidang pekerjaan di Tanah Melayu pada tahun 1920-1970 mendapati bahawa pada ketika itu, jawatan dalam institusi kerajaan yang sebelum ini di sandang oleh pegawai British dan orang bukan Melayu telah mula di sandang oleh golongan wanita. Beberapa tokoh yang memperjuangkan nasib wanita melayu telah berusaha agar wanita mendapat pekerjaan asal mereka yang tertumpu kepada perniagaan kecil-kecilan dan pertanian yang menyebabkan trend ini berubah sejak awal abad ke-20 yang membawa kepada wanita bekerja dalam profesion seperti jururawat, guru, terlibat dalam kerjaya politik, dalam bidang perniagaan tekstil, dan wartawan.



Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian secara *survey* menggunakan borang soal selidik secara atas talian sebagai pendekatan utama. Mengikut keperluan dan objektif kajian, perangkaan soal selidik yang bersesuaian telah di rangka. Pengkaji telah memilih lokasi kajian di kawasan luar bandar dengan anggaran guru seramai 81 orang responden. Guru wanita yang menjadi responden mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi serta status bujang, berkahwin dan juga ibu tunggal. Dari lapisan guru yang pelbagai dapat dilihat dan dinilai dengan lebih mendalam berkaitan isu yang dikaji.

Penyataan Masalah

Adalah benar bahawa sebahagian besar guru perempuan di negara ini menyumbang kepada kemajuan pendidikan negara, suatu kenyataan yang memerlukan kajian lanjut. Selain itu, beberapa ciri baik yang sesuai untuk mencapai kejayaan maksimum dalam profesion pengajaran seperti kesabaran, pemikiran kreatif, kejujuran, dan kemahiran penyelesaian masalah terdapat dalam jati diri kalangan wanita. Walaupun keterlibatan wanita dalam profesion pengajaran memberi manfaat kepada pembangunan sosial dan ekonomi Negara, namun mereka menghadapi pelbagai cabaran dalam menyeimbangkan tugas kerja dan tanggungjawab keluarga. Oleh itu, guru wanita perlu mempunyai kesedaran tentang tanggungjawab dan hak dalam keluarga dan kerjaya.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap kesedaran guru wanita mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam.
- ii. Mengenal pasti tahap kesedaran guru wanita mengenai hak dan tanggungjawab dalam rumah tangga.
- iii. Mengenal pasti tahap kesedaran guru wanita mengenai hak dan tanggungjawab dalam kerjaya.

Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap kesedaran guru wanita mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam?
- ii. Apakah tahap kesedaran guru wanita mengenai hak dan tanggungjawab dalam rumah tangga?
- iii. Apakah tahap kesedaran guru wanita mengenai hak dan tanggungjawab dalam kerjaya?



Hipotesis Kajian

- i. Tahap kesedaran guru wanita mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam adalah tinggi.
- ii. Tahap kesedaran guru wanita mengenai hak dan tanggungjawab dalam rumah tangga adalah tinggi.
- iii. Tahap kesedaran guru wanita mengenai hak dan tanggungjawab dalam kerjaya adalah tinggi.

Analisis Data

Tahap kesedaran guru wanita mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam

Jadual 1 Analisis Item tahap kesedaran guru wanita mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam.

No.	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	Min ²	Sisihan Piawaian	Mod	Median	Tahap
1.	Saya memahami bahawa tuntutan hak mesti selari dengan pelaksanaan tanggungjawab	0	0	0	8	73	4.90	24.11	4.38	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	9.9%	90.1%						
2.	Saya memahami bahawa hak manusia tidak boleh mengatasi hak Allah	0	0	0	0	81	5.00	25.00	4.47	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	0%	100%						
3.	Saya memahami bahawa hak Allah adalah untuk kebaikan masyarakat umum	0	0	0	16	65	4.80	23.22	4.29	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	20%	80%						
4.	Saya memahami bahawa hak Allah tidak boleh diubah	0	0	0	0	81	5.00	25.00	4.47	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	0%	100%						
5.	Saya memahami bahawa hak manusia boleh diubah dan ditambahbaik selagi tidak bertentangan dengan hak Allah	0	0	0	45	36	4.44	20.00	3.94	S	S	Tinggi
		0%	0%	0%	56%	44%						



6.	Saya memahami bahawa pemberian hak dalam Islam bermatlamat untuk menjaga agama, nyawa dan kehidupan, maruah dan keturunan, akal fikiran dan pemilikan harta	0	0	0	3	78	4.96	24.67	4.44	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	4%	96%						
7.	Saya memahami bahawa hak wanita tidak semestinya sama dengan lelaki untuk mencapai kesaksamaan/keadilan	0	18	47	14	2	3.00	9.49	2.55	KS	KS	Sederhana
		0%	22%	58%	17%	2%						
Keseluruhan							4.6	21.64	4.08	SS		Tinggi

Jadual 1.1 Kolerasi dan regresi berganda tahap kesedaran guru wanita mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam.

No Item	STS (1)	TS (2)	KS (3)	S (4)	SS (5)	Min,x	Min, y	x'	y'	x'y'	x ²	y ²	r
1.	0	0	0	8	73	4.90	79.4	56.49	-382	-325.5	4719	29194.8	-0.028
2.	0	0	0	0	81	5.00	81	56.00	-390	-334.0	5876	30430	-0.025
3.	0	0	0	16	65	4.80	77.8	56.99	-374	-317.0	3818	27985.2	-0.031
4.	0	0	0	0	81	5.00	81	56.00	-390	-334.0	5876	30430	-0.025
5.	0	0	0	45	36	4.44	72	58.78	-345	-286.2	2700	23815	-0.036
6.	0	0	0	3	78	4.96	80.4	56.19	-387	-330.8	5412	29963.8	-0.026
7.	0	18	47	14	2	3.00	48.6	66.00	-228	-162.0	2292	10406.8	-0.033

Tahap kesedaran = $b_0 + b_1(\text{Konsep Hak dan Tanggungjawab}) + b_2(\text{Hak dalam rumah tangga}) + b_3(\text{Hak dalam kerjaya}) + \epsilon$



Tahap kesedaran guru wanita mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam

Jadual 2 Analisis Item tahap kesedaran guru wanita mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam rumah tangga.

No.	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	Min ²	Sisihan Piawaian	Mod	Median	Tahap
1.	Konsep perkawinan adalah berdasarkan perkongsian antara lelaki dan wanita.	0	0	0	31	50	4.62	21.56	4.12	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	38.3%	61.7%						
2.	Peranan seorang wanita berbeza dengan lelaki berse-suaian dengan fitrah.	0	0	0	5	76	4.94	24.44	4.42	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	6%	94%						
3.	Peranan utama seorang wanita ialah sebagai isteri dan ibu.	0	0	0	29	52	4.64	21.78	4.14	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	36%	64%						
4.	Wanita tidak dipertanggung-jawabkan untuk mencari nafkah.	0	0	0	33	48	4.59	21.33	4.09	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	41%	59%						
5.	Seorang isteri berhak disantuni dengan baik.	0	0	0	0	81	5.00	25.00	4.47	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	0%	100%						
6.	Seorang isteri berhak diberi nafkah (material dan emosi).	0	0	0	0	81	5.00	25.00	4.47	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	0%	100%						
7.	Seorang isteri hendaklah dimaklumkan sekiranya suami berpogami	0	0	0	0	81	5.00	25.00	4.47	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	0%	100%						
Keseluruhan							4.8	23.44	4.31	SS	SS	Tinggi



Jadual 2.1 Kolerasi dan regrasi berganda tahap kesedaran guru wanita mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam rumah tangga.

No Item	STS (1)	TS (2)	KS (3)	S (4)	SS (5)	Min,x	Min,y	x'	y'	x'y'	x ²	y ²	r
1.	0	0	0	31	50	4.62	74.8	57.91	-359	-301.1	2820	25786.2	-0.035
2.	0	0	0	5	76	4.94	80	56.31	-385	-328.7	5123	29655	-0.027
3.	0	0	0	29	52	4.64	75.2	57.79	-361	-303.2	2901	26074.2	-0.035
4.	0	0	0	33	48	4.59	74.4	58.04	-357	-299.0	2754	25499.8	-0.036
5.	0	0	0	0	81	5.00	81	56.00	-390	-334.0	5876	30430	-0.025
6.	0	0	0	0	81	5.00	81	56.00	-390	-334.0	5876	30430	-0.025
7.	0	0	0	0	81	5.00	81	56.00	-390	-334.0	5876	30430	-0.025

Tahap kesedaran guru wanita mengenai hak dan tanggungjawab dalam kerjaya

Jadual 3 Analisis Item tahap kesedaran guru wanita mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam kerjaya.

No.	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	Min ²	Sisihan Piawaian	Mod	Median	Tahap
1.	Wanita berhak mengutarakan pendapat	0	0	0	6	75	4.93	24.33	4.41	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	7.4%	92.6%						
2.	Peluang menuntut ilmu tidak terbatas bagi Wanita	0	0	0	5	76	4.94	24.44	4.42	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	6%	94%						
3.	Wanita boleh bersaing dengan lelaki dalam membina kerjaya	0	0	0	8	73	4.90	24.11	4.38	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	10%	90%						
4.	Keupayaan wanita dalam memiliki harta adalah tidak terbatas	0	0	0	5	76	4.94	24.44	4.42	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	6%	94%						
5.	Wanita boleh dilantik sebagai pemimpin	0	0	0	9	72	4.89	24.00	4.37	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	11%	89%						



6.	Wanita mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama dengan lelaki dalam urusan pentadbiran	0	0	0	5	76	4.94	24.44	4.42	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	6%	94%						
7.	Wanita mempunyai hak mendapat gaji dan imbuhan yang sama dengan lelaki	0	0	0	0	81	5.00	25.00	4.47	SS	SS	Tinggi
		0%	0%	0%	0%	100%						
Keseluruhan							4.9	24.40	4.41	SS	SS	Tinggi

Jadual 3.1 Kolerasi dan regresi berganda tahap kesedaran guru wanita mengenai konsep hak dan tanggungjawab dalam kerjaya.

No Item	STS (1)	TS (2)	KS (3)	S (4)	SS (5)	Min, x	Min, y	x'	y'	x'y'	x ²	y ²	r
1.	0	0	0	6	75	4.93	79.8	56.37	-384	-327.6	4984	29501.2	-0.027
2.	0	0	0	5	76	4.94	80	56.31	-385	-328.7	5123	29655	-0.027
3.	0	0	0	8	73	4.90	79.4	56.49	-382	-325.5	4719	29194.8	-0.028
4.	0	0	0	5	76	4.94	80	56.31	-385	-328.7	5123	29655	-0.027
5.	0	0	0	9	72	4.89	79.2	56.56	-381	-324.4	4593	29042.2	-0.028
6.	0	0	0	5	76	4.94	80	56.31	-385	-328.7	5123	29655	-0.027
7.	0	0	0	0	81	5.00	81	56.00	-390	-334.0	5876	30430	-0.025

Perbincangan dan Kesimpulan

Hasil dari kajian yang dijalankan dapatlah disimpulkan bahawa tahap kesedaran guru wanita mengenai tanggungjawab dan hak dalam institusi kekeluargaan dan pekerjaan bahawa setiap wanita yang bekerja perlu menitikberatkan soal kesamarataan dan ringkasan kajian dan perbincangan mengenai kesedaran wanita terhadap hak-hak mereka dalam keluarga dan kerjaya adalah perlu. Kajian ini menitikberatkan pandangan dan persepsi responden yang terdiri daripada 81 responden pendidik wanita terhadap hak-hak wanita dalam Islam. Persepsi terhadap kesedaran hak-hak wanita dalam keluarga dan masyarakat, menurut perspektif Islam, dinilai menggunakan kekerapan, peratusan, dan nilai minimum (min), dengan analisis tahap interpretasi yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu rendah (min=1.00-2.33), sederhana (min=2.34-3.67), dan tinggi (min=3.68-5.00). Jadual 3 menunjukkan interpretasi min yang digunakan dalam kajian Jamil (2002).



Jadual 4 Interpretasi min.

Julat Min	Interpretasi
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Sumber : Adaptasi daripada Jamil Ahmad, (2002)

Berdasarkan Jadual 1, tahap kesedaran tentang konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam adalah tinggi dan nilai min dan sisihan piwaian keseluruhan tahap kesedaran ialah masing-masing 4.6 dan 4.08. Item 2 dan 4 menduduki min tertinggi dengan min 4.47 manakala item 7 berada di min paling rendah, iaitu 2.55 dan berada di tahap sederhana. Soalan item 7 mengenai kefahaman guru wanita tentang hak wanita dan lelaki adalah tidaksama untuk mencapai kesamarataan. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian yang di jalankan oleh Dr. Nurulbahiah Awang et. al (2019) yang mana wanita kurang memahami tentang kesaksamaan hak dan tanggungjawab lelaki dan wanita dalam konsep Islam. Rumusan boleh dibuat bahawa staf wanita kurang memahami tentang konsep kelestarian hak dan tanggungjawab untuk mencapai keseimbangan atau keadilan dalam hidup. Ini menunjukkan bahawa mereka kurang memahami kesamarataan serta hak dalam Islam. Kesaksamaan ialah, *"At its core, equality means fairness: we must ensure that individuals, or groups of individuals, are not treated less favourably because of their protected characteristics. Equality also means equality of opportunity: we must also ensure that those who may be disadvantaged can get the tools they need to access the same, fair opportunities as their peers."* (University of Edinburgh, 2024). Selain itu, maksud kesaksamaan juga memberi makna adil dan seimbang (Awang, 2018).

Konsep hak dalam Islam harus difahami bersamaan dengan prinsip tanggungjawab. Ini kerana manusia tidak hanya mendapat nikmat daripada Allah, tetapi juga dikenakan tanggungjawab sebagai khalifah. Konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam tidak dapat dipisahkan daripada hak Allah, hak hamba, dan hak alam. Dalam pelaksanaan hak tersebut, Islam mengakui perbezaan latar belakang dan kemampuan individu, termasuk perbezaan biologis (hormon lelaki/perempuan), fisiologis (sistem organ dalam tubuh), psikologis (waras/gila), dan geografis (mazhab/budaya). Dengan memahami keperluan hak dan tanggungjawab ini, keadilan, keseimbangan, dan kebahagiaan hidup dunia akhirat dapat dicapai. Meskipun demikian, semua responden memahami konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam. Mereka menyedari bahawa hak manusia tidak dapat melampaui hak Allah, dan hak Allah tidak boleh diubah, kerana pemberian hak dalam Islam bertujuan untuk menjaga agama, nyawa, kehidupan, maruah, keturunan, akal fikiran, dan pemilikan harta.



Jadual 2 menunjukkan tahap kesedaran guru wanita tentang hak dalam rumah tangga. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tahap kesedaran guru wanita adalah berada di tahap tinggi. Item tertinggi adalah item nombor 5, 6 dan 7 dengan nilai min 5.0 dan item rendah adalah wanita tidak dipertanggungjawabkan untuk mencari nafkah dengan nilai min 4.59 namun tahap kesedaran masih berada di tahap tertinggi. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran guru wanita tentang hak-hak mereka seperti seorang wanita seharusnya di santuni dengan baik, nafkah dari segi emosi dan kewangan serta hak seorang wanita dalam mengetahui sekiranya suami mereka ingin berpoligami. Dapatan daripada kajian ini juga menunjukkan persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Dr. Nurulbahiah Awang et. al (2019) serta mengukuhkan lagi tahap kesedaran wanita mengenai hak dalam rumah tangga. Kesedaran hak dalam alam perkahwinan adalah perlu agar mereka dapat memperjuangkan hak mereka walaupun mereka mempunyai kerjaya sendiri dan tidak membuatkan seorang suami melepaskan tanggungjawab mereka dalam keluarga.

Manakala tahap kesedaran guru wanita dalam hak kerjaya tersebut adalah berada pada tahap tinggi berdasarkan Jadual 3 dengan min keseluruhan dan sisihan piwaiian masing-masing 4.9 dan 4.41. Soalan 7 mengenai kelayakan seorang wanita mendapat hak imbuhan dan gaji yang sama dengan seorang lelaki adalah berada di tahap tertinggi dengan min 5.00 manakala min rendah adalah 4.89 di item 5 iaitu wanita boleh dilantik sebagai pemimpin tetapi masih dikategorikan sebagai tahap kesedaran yang tinggi.

Kefahaman wanita mengenai hak mereka dalam kerjaya adalah amat penting bagi menunjukkan kesaksamaan gender dalam alam pekerjaan namun perlu di beri perhatian mengenai hak seorang isteri dalam perkahwinan agar mereka tidak menganggap bahawa mereka adalah pemimpin dalam sebuah rumah tangga dan ini bercanggah dalam syariat Islam. Hal ini di sebutkan dalam al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 228 yang bermaksud:

“dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajibannya menurut cara yang ma’ruf. Akan tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada isterinya. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

Dalam kehidupan seorang wanita mahupun lelaki, hak dan tanggungjawab mestilah seiring. Tuntutan hak tanpa menunaikan tanggungjawab adalah tidak adil. Begitu juga menjalankan tanggungjawab tanpa mendapatkan hak yang sepatutnya juga tidak adil sehingga akhirnya membawa kebinasaan dan kezaliman kepada diri sendiri. Islam telah menyatakan hak dan tanggungjawab yang adil dan seimbang kepada wanita dan lelaki dan dikurniakan hati dan akal untuk sama-sama berperanan dalam mencapai keseimbangan dalam hidup.



Secara kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini merumuskan bahawa guru wanita mahupun responden memahami tahap kesedaran hak mereka dalam rumah tangga dan kerjaya adalah berada di tahap tinggi serta memahami konsep hak dan tanggungjawab dalam Islam. Hal ini mungkin di sebabkan oleh 90 peratus responden iaitu 81 orang adalah golongan berpendidikan tinggi dan hanya 6.17 peratus sahaja wanita bujang. Namun demikian soalan mengenai hak wanita tidak semestinya sama dengan lelaki untuk mencapai kesaksamaan ataupun keadilan menunjukkan jawapan tidak setuju dan kurang setuju menunjukkan bahawa guru wanita ingin mempunyai keinginan yang tinggi untuk mendapat kesaksamaan gender bagi hak dan tanggungjawab secara menyeluruh. Hal ini perlu di beri perhatian dan pendidik wanita perlu memahami syariat Islam agar tidak menjadi pemimpin dalam sesebuah keluarga.

Rujukan

Acker, S. (1989). *Teachers, gender, and careers*. Routledge.

Ahmad, J. (2002). Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Awang, N. (2018). Constructive harmonisation of Islamic family law and the Women's Convention. *The European Proceedings of Social and Behavioural Sciences*. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2018.07.02.99>.

Awang, N., Yusoff, A., Isa, A. a. M., Yusof, S. B. M., & Yusof, S. (2019). Kesedaran wanita Muslim tentang hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan kerjaya: kajian kes di UNITEN dan UPM. *al-Irsyad Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 171-187. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.64>.

Azlizan, M. E., & Adibah Syahirah, S. A. (2023). penglibatan golongan wanita dalam bidang pekerjaan di Tanah Melayu, 1920-1970. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 7(1), 25-40.

Drudy, S. (2008). Gender balance/gender bias: the teaching profession and the impact of feminisation. *Gender and Education*, 20(4), 309-323. <https://doi.org/10.1080/09540250802190156>.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022, November 29). *Statistik Pemerkasaan Wanita dalam Domain Terpilih Malaysia*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://v1.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2022/11.%20NOVEMBER/KENYATAAN%20MEDIA%20STATISTIK%20PEMERKASAAN%20WANITA%20DALAM%20DOMAIN%20TERPILIH%2C%20MALAYSIA%2C%202022.pd.



- Kementerian Ekonomi Malaysia. (2021, July 16). *RMK12 (BM)*. Portal Rasmi Kementerian Ekonomi. https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/flipping_book/RMKe-12/mobile/index.html.
- Majzub, R. M., & Rais, M. M. (2010). Boys' Underachievement: Male versus Female Teachers. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 7, 685-690. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.10.093>.
- Malaysia (2010). *Statistics of teachers by gender*. Kuala Lumpur, Malaysia ; Ministry of Education.
- Ramsbottom, S. (2023, March 5). *Calculating the median of Likert scale data that assumes that the 5 point scale represents a continuous random variable*. <https://community.tableau.com/s/question/0D54T00000C5dwESAR/calculating-the-median-of-likert-scale-data-that-assumes-that-the-5-point-scale-represents-a-continuous-random-variable>. Retrieved January 18, 2024, from <https://community.tableau.com/s/question/0D54T00000C5dwESAR/calculating-the-median-of-likert-scale-data-that-assumes-that-the-5-point-scale-represents-a-continuous-random-variable>.
- Robiatul Adawiyah, R. A. (2009). Hak-hak Isteri dalam Perkahwinan Menurut al-Quran dan al-Sunnah. *Universiti Sains Islam Malaysia*. <http://ddms.usim.edu.my:80/jspui/bitstream/123456789/737/1/HAK-HAK%20ISTERI%20DALAM%20PERKAHWINAN%20MENURUT%20AL-QURAN%20DAN%20AL-SUNNAH.pdf>.
- Statistik Bilangan Sekolah, Murid & Guru*. (n.d.). MOE. Retrieved January 16, 2024, from <https://www.moe.gov.my/en/statistik-menu/statistik-bilangan-sekolah-murid-guru>.
- Univeristy of Edinburgh. (2024, June 14). *What does equality, diversity, and inclusion mean?* School of Physics and Astronomy. Retrieved January 18, 2024, from <https://www.ph.ed.ac.uk/equality-diversity-and-inclusion/about-edi/what-does-equality-diversity-and-inclusion-mean>.